VoA
2025
Volume 21 Issue 1

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

eISSN: : 2682-7840

ADVISORY BOARD MEMBER
PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR DR MOHD RIZAIMY SHAHRUDDIN

CHIEF EDITOR
DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR
MOHD NAZIR RABUN

COPY EDITOR
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TEAM
SAMSIAH BIDIN
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM
KHAIRUL WANIS AHMAD
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA,
UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT,
FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI,
FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN,
SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), PULAU PINANG

PROF. DR SULIKAH ASMOROWATI,
FISIP, UNIVERSITAS AIRLANGGA (UNAIR), SURABAYA, INDONESIA

DR. IRA PATRIANI,
FISIP, UNIVERSITAS TANJUNGPURA (UNTAN), PONTIANAK, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS,
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH

DR. SIMON JACKSON,
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

DR. AZYYATI ANUAR,
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. FARYNA MOHD KHALIS,
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

DR IDA NORMAYA MOHD NASIR,
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR MOHD FAIZAL JAMALUDIN,
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDIYANTI AHMAD,
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

DR. AZREEN HAMIZA ABDUL AZIZ,
CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT MANAGEMENT STUDIES (ISDEV),
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), MALAYSIA

DR AZZYATI ANUAR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. CHE KHADIJAH HAMID,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) TERENGGANU BRANCH, MALAYSIA

DR. FARAH SYAZRAH BINTI MOHD GHAZALLI,
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA), TERENGGANU.

DR FARYNA MOHD KHALIS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

DR. MOHAMAD IDHAM MD RAZAK,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEREMBAN 3 BRANCH, MALAYSIA

DR. MOHD FAIZAL JAMALUDDIN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDYANTI AHMAD,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR AMIRA SYAZWANI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PAHANG BRANCH, MALAYSIA

DR NOR RAIHANA ASMAR MOHD NOOR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KELANTAN BRANCH, MALAYSIA

DR RAZLINA RAZALI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SEREMBAN 3 BRANCH, MALAYSIA

DR RIZAL ZAMANI IDRIS,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH, MALAYSIA

DR. SAKINATUL RAADIYAH ABDULLAH,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. SALIMAH YAHAYA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) TERENGGANU BRANCH, MALAYSIA

DR. SITI NORFAZLINA YUSOFF,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. SURITA HARTINI MAT HASSAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PAHANG BRANCH, MALAYSIA

DR. SHAHIRAH SAID,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERMATANG PAUH,
PULAU PINANG BRANCH, MALAYSIA

PROFESOR MADYA TS DR MOHD NOR MAMAT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, MALAYSIA

PROF. MADYA DR. WAN NOR JAZMINA BINTI WAN ARIFFIN,
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA), TERENGGANU.

LANGUAGE REVIEWER

A&N ACADEMIC AND SCIENTIFIC EDITING SERVICES

DR. NURAINI ABDULLAH,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

FAHAROL ZUBIR,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

MATHS PROOFREAD SDN BHD

MAJDAH CHUAN,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PERLIS BRANCH, MALAYSIA

NOR ASNI SYAHRIZA BINTI ABU HASSAN,
ACADEMY LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

NURUL HAMIMI BINTI AWANG JAPILAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH, MALAYSIA

e-ISSN: 2682-7840

Copyright © 2025 by the Universiti Teknologi MARA (UiTM) Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch,
Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press),
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia,
Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

A BIBLIOMETRIC ANALYSIS ON WORKING CAPITAL MANAGEMENT IN SME 1 -15
Nor Razuana Amram [1*] , Noor Hidayah Zainudin[2], Nazihah Wan Azman[3] & Nuur Atikah Ghazali[4]

LEVERAGING BLOCKCHAIN FOR ENHANCED SOCIAL AND ENVIRONMENTAL ACCOUNTABILITY: A CONCEPTUAL FRAMEWORK 16 -29
Roshidah Safeei[1*], Nor Asni Syahriza Abu Hassan[2]

PENEROKAAN FAKTOR-FAKTOR PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN YANG MEMPENGARUHI AMALAN STRATEGI PENGAJARAN KREATIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM 30 - 45
Jahidih Saili[1,2*], Muhamad Suhaimi Taat[2] & Nurul Hamimi Awang Japilan[3]

STRATEGI PEMBELAJARAN UNTUK PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB: SATU KAJIAN DI SALAH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA NERUS TERENGGANU, MALAYSIA 46 - 59
Syahirah Amni Abdull Aziz[1] & Mohammad Taufiq Abdul Ghani[2*]

HOW CONSUMPTION EXPENDITURE AND EXPORT CAN AFFECT MALAYSIA ECONOMIC GROWTH 60 - 72
Noorazeela Zainol Abidin[1*], Nuraini Abdullah[1], Ummi Naiemah Saraih[1,2] & Hafirda Akma Musaddad[1]

COMICS USING PROBLEM-BASED LEARNING IN SCIENCE SUBJECT: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW 73 - 86
Nur Farha Shaafi[1*], Sabariah Sharif[2], Mohammad Mubarrak Mohd Yusof[3] & Mohd Jusmaime Jumi[4]

THE ROLE OF VIRTUAL INFLUENCERS IN SHAPING FASHION PREFERENCES AMONG MALAYSIAN GENERATION ALPHA: PERCEPTIONS, ENGAGEMENT AND CONSUMER TRUST 87 - 105
Normaziana Hassan[1*], Juaini Jamaludin[2], Syahrini Shawalludin[3] & Asrol Hasan[3]

EXPLORING ONLINE MONEY TRANSFER HABITS AMONG UITM MERBOK STUDENTS: A STUDY ON PREFERENCES, SPENDING PATTERNS, AND CHALLENGES 106 - 121
Ida Normaya Mohd Nasir[1*], Shahirah Amanisa Shapuranan[2], Nur Fatihah Muhammad Hirman[3] & Athirah Radzali[4]

SOCIAL MEDIA AND LOCAL TOURIST INTENTIONS: COMMUNITY-BASED TOURISM IN KOTA BELUD, SABAH 122 - 135
Nur Fikri Jainol[1*], Boyd Sun Fatt[2] & Spencer Hedley Mogindol[2]

THE COLLISION OF TRADITION AND MODERNITY: INTERPRETING THE CULTURAL CHARACTERISTICS OF CHINESE ANIMATED PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENTS 136 - 150
Li YiXuan[1*] , Azahar Harun[2] & Rao DongYu[3]

EXPLORING UNIVERSITY STUDENTS' PODCASTING KNOWLEDGE AND PODCAST PRODUCTION INTENTION AND MOTIVATION: A COMPARATIVE STUDY BY GENDER AND AGE 151 - 165
Noraziah Mohd Amin[1*], Anwar Farhan Mohamad Marzaini[2], Che Nooryohana Zulkifli[3] & Nur Afiqah Ab Latif[4]

A SURVEY ON STUDENTS' KNOWLEDGE ON EMPLOYABILITY SKILLS 166 - 179
Noor Zahirah Mohd Sidek[1*]

DESIGNING AND VALIDATING THE STUDY ON THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA INFLUENCERS SCALE 180 - 202
Jiayu Wu[1*], Noor Mayudia Mohd Mothar[2] & Anuar Ali[3]

TABLE of CONTENTS

A REVIEW OF THE EFFECTS OF ANTHROPOMORPHIC DESIGN ON CONSUMER EMOTIONS 203 - 213
Tian Yuyang[1*], Siti Farhana Zakaria[2]

ASSESSMENT OF CYBERSECURITY AND PRIVACY AWARENESS AMONG NON-COMPUTER SCIENCE STUDENTS IN HIGHER LEARNING INSTITUTIONS 214 - 228
Satria Arjuna Julaihi[1*], Norizuandi Ibrahim[2], Lenny Yusrina Bujang Khedif[3] & Neelam Amelia Mohamad Rejeni[4]

DIGITAL COMPETENCY FRAMEWORK IN DIGITAL TECHNOLOGY TOWARDS FUTURE INDUSTRIAL REVOLUTION IN MALAYSIA 229 - 237
Asnidatul Adilah Ismail[1*], Razali Hassan[2] & Azura Ahmad[3]

ENHANCING STUDENT SATISFACTION: EVALUATING ON-CAMPUS HAIRCUT AND GROOMING SERVICES WITH A FOCUS ON INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY AT UiTM 238 - 250
Noor Azli Affendy Lee[1*], Suria Sulaiman[2], Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli[3], Kay Dora Abd Ghani[4], Anas Ibrahim[5] & Intan Rabiatulainie Zaini[6]

INTEGRATING ACADEMIC AND PRACTICAL SKILLS IN TAHFIZ EDUCATION: AN EVALUATION OF THE ASSETS 2024 PROGRAM 251 - 261
Noor Azli Affendy Lee[1*], Nor Hanim Abd Rahman[2] & Wan Muhammad Nurhabis Wan Pazilah[3]

EXPLORING THE RELATIONSHIP AMONGST CORPORATE GOVERNANCE MECHANISMS, HUMAN GOVERNANCE CHARACTERISTICS, COMPANY R ESOURCES, RISK DISCLOSURE, AND SSCM DISCLOSURE: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW APPROACH 262 - 294
Nur Zharifah Che Adenan[1*], Roshima Said[2] & Corina Joseph[3]

ENHANCING MENSTRUAL HYGIENE MANAGEMENT: AN EVALUATION OF KNOWLEDGE, PRACTICES, AND UNIVERSITY SUPPORT AMONG FEMALE STUDENTS AT UiTM 295 - 306
Noor Azli Affendy Lee[1*], Kay Dora Abd Ghani[2], Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli[3], Suria Sulaiman[4] & Intan Rabiatulainie Zaini[5]

KELESTARIAN KENDIRI PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DALAM KALANGAN USAHAWAN ASNAF 307 - 315
Zuraidah Mohamed Isa[1] , Nurul Hayani Abd Rahman[2] , Azyyati Anuar[3] , Norhidayah Ali[4*], Suhaida Abu Bakar[5] & Dahlia Ibrahim[6]

PERCEPTIONS AND MANAGEMENT OF STRAY CATS ON UNIVERSITY CAMPUSES: A CASE STUDY OF UiTM 316 - 326
Noor Azli Affendy Lee[1*], Kay Dora Abd Ghani[2], Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli[3] & Intan Rabiatulainie Zaini[4]

BALANCING CONVENIENCE, AFFORDABILITY, AND NUTRITION: AN EVALUATION OF READY-TO-EAT MEAL PREFERENCES AMONG UiTM STUDENTS AND THE EFFECTIVENESS OF THE MENU RAHMAH INITIATIVE 327 - 337
Noor Azli Affendy Lee[1*] , Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli[2] , Kay Dora Abd Ghani[3] , Suria Sulaiman[4] & Intan Rabiatulainie Zaini[5]

BODY SHAMING: BELIEFS AND AWARENESS AMONG MALAYSIAN TERTIARY STUDENTS AND THE ROLE OF INSTITUTIONAL INTERVENTION 338 - 351
Huzaifah A Hamid[1], Norlizawati Ghazali[2], Naginder Kaur[3], Siti Sarina Sulaiman[4], Amizura Hanadi Mohd Radzi[5*] & Yang Salehah Abdullah Sani[6]

Voice of Academia
Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

Voice of Academia Vol.21 Issue (2) 2025

Voice of Academia

e-ISSN: 2682-7840

KELESTARIAN KENDIRI PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DALAM KALANGAN USAHAWAN ASNAF

Zuraidah Mohamed Isa[1] , Nurul Hayani Abd Rahman[2] , Azyyati Anuar[3] , Norhidayah Ali[4]* , Suhaida Abu Bakar[5] & Dahlia Ibrahim[6]

[1,3,4,6] *Faculty of Business and Management, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA (UiTM)Kedah Branch, Kedah, Malaysia*

[2] *Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM)Kedah Branch, Kedah, Malaysia*

[5] *Academy of Contemporary Islamic Studies, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA (UiTM)Kedah Branch, Kedah, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2025
Accepted May 2025
Published July 2025

Keywords:

Kelestarian, Kendiri, Rekod Kewangan, Usahawan, Asnaf

Corresponding Author:
norhidayah@uitm.edu.my

ABSTRACT

Pengurusan rekod kewangan merupakan aspek penting untuk memastikan kelangsungan dan kejayaan perniagaan. Namun, usahawan asnaf sering kali berhadapan dengan cabaran kewangan yang mampu menjejaskan keberlangsungan perniagaan mereka. Tambahan pula, dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, sesebuah perniagaan mungkin tidak dapat bertahan lama dalam jangka masa yang panjang. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan meneliti kepentingan kelestarian kendiri rekod kewangan dalam kalangan usahawan asnaf di Malaysia. Di samping itu, kajian ini bertujuan memahami tahap kesedaran, amalan, dan impak pengurusan rekod kewangan yang cekap dalam kalangan usahawan asnaf. Melalui pendekatan kualitatif, data diperoleh menerusi kaedah kepustakaan yang melibatkan pencarian sumber daripada buku, artikel jurnal, keratan akhbar, kajian kes, serta laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan, pengurusan rekod kewangan yang efektif memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi perniagaan, akses kepada sumber kewangan dan kestabilan serta

kelestarian ekonomi usahawan asnaf. Kajian ini mengemukakan cadangan kepada pihak berwajib dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan program latihan serta sokongan yang lebih komprehensif. Dengan demikian, program tertentu terutamanya dari segi pengurusan rekod kewangan asas dan lanjutan yang relevan dengan keperluan usahawan dan perniagaan mereka dapat disediakan bagi menjamin kelestarian dan kejayaan perniagaan.

1. Pendahuluan

Pengurusan rekod kewangan merupakan komponen kritikal bagi kelestarian dan kejayaan perniagaan di seluruh dunia. Pengurusan rekod kewangan yang berkesan memastikan ketelusan, membantu perancangan kewangan serta menyokong pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan. Pengurusan rekod kewangan juga membolehkan organisasi membuat keputusan yang bermaklumat, menguruskan risiko dan meningkatkan kecekapan operasi. Sebaliknya, pengurusan rekod kewangan yang tidak lengkap mampu mengakibatkan ketidakseragaman kewangan, salah urus sumber dan komplikasi undang-undang yang berpotensi. Dengan peningkatan kompleksiti pasaran global, kepentingan sistem pengurusan rekod kewangan yang mantap menjadi semakin penting (Yin et al., 2017).

Di Malaysia, pengurusan rekod kewangan telah mendapat perhatian kerana peranannya yang memastikan kestabilan ekonomi perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mikro. Institusi kewangan dan badan pengawal selia Malaysia telah menekankan keperluan terhadap rekod kewangan yang betul bagi menyokong pertumbuhan perniagaan dan pematuhan kepada peraturan kewangan negara. Walaupun begitu, banyak PKS dan perusahaan mikro di Malaysia menghadapi kesukaran dalam mengekalkan rekod kewangan yang tepat dan sistematik. Hal ini selanjutnya memberikan kesan kepada keupayaan mereka untuk mendapatkan pembiayaan dan mencapai kelestarian jangka panjang (Yusof, 2009).

Pelbagai kajian telah menegaskan betapa pentingnya pengurusan rekod kewangan dalam usaha memperkukuh prestasi dan kestabilan perniagaan. Penyelidikan juga menunjukkan bahawa pengurusan rekod kewangan yang tepat bukan sahaja memperbaik pelaporan kewangan, malah meningkatkan kualiti pembuatan keputusan dan akses kepada sumber kewangan. Sebagai contohnya, satu kajian mengenai pasar raya di Kenya mendapati bahawa amalan pengurusan rekod kewangan yang dipertingkatkan telah membawa peningkatan ketara dalam prestasi kewangan dan kecekapan operasi (Christopher et al., 2023).

Dalam pada itu, walaupun kepentingan pengurusan rekod kewangan diakui, namun masih terdapat jurang dalam usaha memahami pelaksanaannya dan kesannya terhadap para usahawan asnaf di Malaysia. Walaupun literatur sedia ada menangani cabaran umum yang dihadapi oleh PKS dan perusahaan mikro, terdapat sedikit penyelidikan yang tertumpu kepada keperluan dan keadaan unik usahawan asnaf. Jurang ini menuntut kajian yang lebih mendalam mengenai cara amalan pengurusan rekod kewangan dapat disesuaikan untuk menyokong kelestarian serta pertumbuhan usahawan ini (Touray, 2021).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan pengurusan rekod kewangan yang berkelanjutan sendiri dalam kalangan usahawan asnaf di Malaysia. Pelaksanaannya bertujuan memahami tahap kesedaran, amalan dan kesan pengurusan rekod kewangan yang efektif terhadap kelestarian perniagaan mereka. Berikut merupakan struktur bagi keseluruhan artikel, yakni bahagian 2.0 merujuk ulasan kepustakaan yang relevan mengenai pengurusan rekod kewangan dan kepentingannya kepada usahawan. Ini diikuti dengan bahagian 3.0, iaitu metodologi yang menggariskan pendekatan penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian 4.0 ialah dapatan dan perbincangan yang membentangkan dapatan utama daripada data yang dikumpulkan. Akhir sekali, bahagian 5.0 merupakan bahagian akhir untuk menyediakan kesimpulan dan cadangan bagi pembuat dasar dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menyokong usahawan asnaf melalui program latihan pengurusan kewangan yang disasarkan.

2. Kajian Literatur

Kelestarian kendiri dalam pengurusan rekod kewangan adalah penting bagi usahawan asnaf untuk memastikan perniagaan mereka berdaya saing dan mampu bertahan lama. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang berkesan dapat membantu mengukur prestasi kewangan perniagaan, membuat keputusan yang lebih baik dan meningkatkan kecekapan pengurusan perniagaan. Dalam konteks usahawan asnaf, bantuan zakat dan pelaburan dalam bentuk kewangan dan peralatan oleh agensi seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memainkan peranan penting untuk menyokong mereka (Ayoup et al., 2023).

Namun, usahawan asnaf berdepan cabaran dalam pengurusan kewangan yang berpunca daripada isu-isu saling berkaitan, terutamanya kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan rekod kewangan. Kajian oleh Rahman dan Haji Othman (2021) mengesahkan bahawa kegagalan usahawan tertentu, termasuk usahawan asnaf berpunca daripada kegagalan pengurusan kewangan mereka dan pengetahuan yang tidak mencukupi tentang elemen kewangan perniagaan. Keputusan yang salah, perancangan kewangan yang tidak munasabah dan akhirnya kegagalan perniagaan merupakan hasil daripada pengurusan kewangan yang lemah.

Tambahan pula, kekangan kewangan merupakan halangan yang ketara bagi usahawan asnaf, khususnya dalam ketidakmampuan untuk mendapatkan perkhidmatan perakaunan profesional atau alat pengurusan kewangan yang lebih canggih. Kekurangan sumber ini memaksa mereka untuk bergantung pada kaedah manual, yang lebih terdedah kepada kesilapan dan kurang kecekapan (Yusoff et al., 2018). Kajian ini turut disokong oleh Hamid et al. (2024) yang menyatakan faktor kekangan kewangan menyebabkan usahawan asnaf lazimnya tidak mampu membeli alatan dan perisian digital yang diperlukan untuk penyimpanan rekod yang cekap.

Walaupun usahawan asnaf mempunyai sedikit pengetahuan tentang pengurusan kewangan, mereka mungkin tidak mempunyai akses kepada alat serta perisian yang diperlukan untuk mengekalkan rekod pengurusan dan simpanan yang tepat. Dalam era digital, keperluan penyimpanan rekod amat penting. Penggunaan teknologi digital seperti aplikasi dan sistem akaun digital dapat membantu pengurusan kewangan menjadi lebih cekap dan mudah. Selain mengurangkan kemungkinan kesilapan manusia, sistem ini memudahkan pencatatan dan pelaporan kewangan dengan lebih tepat dan menjimatkan masa (Ab. Rahman et al., 2018). Namun begitu, usahawan asnaf menghadapi pelbagai cabaran dalam penyimpanan rekod melalui teknologi digital. Isu utama yang timbul ialah kekurangan kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan alat digital untuk pengurusan kewangan dan penyimpanan rekod. Ramai

dalam kalangan mereka tidak mempunyai pendidikan formal atau latihan dalam literasi digital, menyulitkan penerimaan dan penggunaan teknologi digital secara berkesan dalam perniagaan mereka (Nuryati & Bahri, 2022). Kajian ini juga disokong oleh Syamsul Bahri et al. (2023) yang menyatakan ketiadaan latihan yang betul untuk menggunakan alat ini memburukkan lagi masalah. Tanpa latihan yang sesuai, usahawan tidak dapat menggunakan sumber yang ada dengan berkesan, justeru membawa kepada salah urus kewangan.

Dalam kajian lain oleh Sulaiman et al. (2024), ditekankan bahawa kekurangan pendidikan dan latihan formal dalam pengurusan kewangan yang dihadapi oleh usahawan asnaf turut menyukarkan mereka untuk menyimpan rekod dengan tepat lantaran tidak ada pemahaman yang kukuh tentang asas perakuanan. Pengurusan rekod kewangan yang lemah secara langsung memberikan kesan kepada pertumbuhan dan kemampanan perniagaan asnaf. Tambahan lagi, rekod yang tidak tepat mampu membawa kepada keputusan kewangan yang lemah, ketidakupayaan untuk menjejaki perbelanjaan dan hasil serta cabaran dalam mendapatkan pembiayaan atau pinjaman. Ini boleh mengakibatkan ketidakstabilan kewangan dan menghalang kejayaan jangka panjang perniagaan (Joremi et al., 2023).

Bagi mengatasi cabaran ini, sokongan luaran daripada organisasi amat penting, termasuklah program latihan dan bantuan kewangan. Institusi zakat dan rangkaian sokongan lain boleh memainkan peranan yang signifikan dalam menyediakan latihan serta sumber yang diperlukan bagi membantu usahawan asnaf mempertingkatkan amalan pengurusan rekod kewangan mereka. Oleh itu, untuk membantu usahawan asnaf menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik dan mengekalkan kelestarian kendiri dalam pengurusan rekod kewangan, latihan dan pendidikan dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan harus ditekankan. Usahawan akan memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan perniagaan mereka dengan lebih cekap dan berkesan melalui program latihan yang menumpukan elemen praktikal pengurusan kewangan (Adam et al., 2010).

Secara keseluruhannya, kajian literatur menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang berkesan dan penerapan teknologi yang sesuai ialah kunci kepada kelestarian perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, terutamanya melalui kajian kepustakaan. Kajian tersebut melibatkan pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal, keratan akhbar, kajian kes, serta laman sesawang dan pangkalan data, termasuk Emerald, Scopus, dan ScienceDirect. Kajian kepustakaan ini dijalankan untuk mengenal pasti permasalahan dalam rekod kewangan kendiri usahawan, khususnya dalam kalangan usahawan asnaf. Seterusnya, kajian ini bertujuan memahami tahap kesedaran, amalan, dan kesan pengurusan rekod kewangan yang baik dalam kalangan usahawan asnaf terutamanya dalam pengurusan rekod kewangan asas yang relevan dengan keperluan usahawan dan perniagaan mereka bagi menjamin kelestarian dan kejayaan perniagaan mereka. Melalui pencarian maklumat ini, pengkaji mengenal pasti bahawa terdapat masalah dalam kalangan usahawan termasuk usahawan asnaf yang sering kali berhadapan dengan pengurusan rekod kewangan yang boleh menjejaskan kelestarian dan kejayaan perniagaan mereka. Sehubungan dengan itu, pihak yang relevan seperti kerajaan, NGO dan institusi pendidikan boleh menyediakan program yang berkaitan. Lebih khusus lagi, terutamanya dengan memfokuskan pengurusan rekod kewangan asas serta lanjutan tentang keperluan usahawan dan perniagaan, ini akan memastikan kelestarian dan kejayaan perniagaan mereka.

4. Dapatan dan Perbincangan

Institusi dan agensi zakat di Malaysia bertanggungjawab dalam pengurusan kutipan dan agihan kutipan zakat. Tidak hanya memfokuskan pengurusan agihan kepada lapan kategori asnaf, tetapi pelbagai usaha berterusan juga telah dilaksanakan oleh institusi dan agensi ini dalam pembangunan usahawan asnaf. Ini bertujuan meningkatkan taraf kehidupan asnaf melalui bantuan modal tunai serta peralatan dan latihan. Pemberian modal kepada asnaf yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan akan dapat meningkatkan pendapatan (Ayoup et al., 2023; Abd Rahman & Ahmad, 2011) dan membantu mentransformasikan asnaf menjadi usahawan serta berubah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat (Abd Rahman & Ahmad, 2011).

Dalam pada itu, usahawan asnaf menjalankan pelbagai jenis aktiviti perniagaan bagi pelbagai industri dan perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan rekod dan pengurusan kewangan yang baik. Ini termasuk merekod semua transaksi tunai dan kredit bagi perniagaan masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengurusan kewangan perniagaan yang lemah oleh usahawan asnaf akan memberikan kesan yang buruk kepada perniagaan yang dijalankan (Rahman & Haji Othman, 2021). Usaha berterusan bagi meningkatkan kesedaran pengurusan kewangan perlu melibatkan pelbagai pihak dengan menyediakan kursus dan latihan asas termasuk penggunaan perisian yang berkaitan dengan perekodan dan pelaporan kewangan. Ini bertujuan memastikan usahawan asnaf mempunyai keupayaan untuk menguruskan perniagaan dengan lebih cekap dan kompetitif pada masa hadapan.

Selaras dengan kemajuan teknologi dalam bidang perniagaan, usahawan asnaf perlu bersiap sedia untuk mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan dalam pengurusan rekod melalui penggunaan perisian atau sistem akaun digital. Kajian oleh Yusoff et al. (2018) menunjukkan bahawa usahawan asnaf masih bergantung pada kaedah manual. Ini disebabkan oleh ketiadaan pendidikan formal dan latihan literasi digital dalam kalangan mereka (Nuryati & Bahrim 2022).

Selain itu, amalan pengurusan rekod kewangan yang baik akan dapat membantu usahawan asnaf mengenal pasti kelemahan perniagaan dan menilai potensi untuk menambah baik perniagaan yang sedia ada. Di samping itu, dengan mengamalkan pengurusan kewangan yang berkesan, usahawan asnaf bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan, tetapi juga memperkukuh kedudukan kewangan perniagaan untuk jangka masa panjang. Kajian Abd Moen et al. (2012) menjelaskan empat amalan pengurusan kewangan usahawan asnaf iaitu:

1. Sebahagian atau semua modal yang diterima oleh usahawan asnaf akan dilaburkan semula sebagai modal pusingan.
2. Usahawan asnaf mengamalkan pengasingan hal ehwal perniagaan dan peribadi, tetapi ada juga sebahagian usahawan asnaf yang tidak membuat pengasingan dan menggunakan pendapatan perniagaan untuk perbelanjaan peribadi.
3. Mendapatkan perkhidmatan syarikat pengurusan akaun yang mengurus dan mengemas kini rekod perakaunan dengan bayaran kos perkhidmatan secara bulanan. Ada juga usahawan asnaf yang merekodkan perakaunan sendiri menggunakan kaedah perekodan keluar masuk wang tunai yang ringkas kerana telah mempunyai pengalaman kerja sebelum terlibat dalam bidang keusahawanan. Selain itu, dapatan kajian Nadzri et al. (2017) juga telah melaporkan, terdapat usahawan asnaf yang membuat keputusan untuk tidak merekodkan transaksi harian perniagaan mereka kerana menyatakan tidak menghadapi sebarang masalah kewangan dalam perniagaan.

4. Keuntungan bersih perniagaan usahawan asnaf yang masih rendah dan hanya mampu menampung kos operasi selain sukar untuk dilaburkan semula ke dalam perniagaan.

Pengurusan rekod kewangan dalam perniagaan melibatkan penyusunan, pengendalian, pengarahan dan perancangan operasi kewangan yang tidak hanya tertumpu pada prestasi jangka pendek, tetapi juga memberi perhatian kepada kelestarian jangka panjang perniagaan tersebut. Dengan menetapkan matlamat, garis panduan, protokol, serta rancangan perbelanjaan, adalah penting untuk memastikan kecukupan modal, mengekalkan keseimbangan antara aliran masuk dan keluar dana, menjamin pembiayaan yang mencukupi, serta merangka pelan pertumbuhan dan pengembangan bagi memastikan kelangsungan jangka panjang perniagaan. Selain itu, dengan amalan pengurusan kewangan yang baik, usahawan asnaf mampu menangani ketidakpastian mengenai potensi perubahan dalam arah aliran pasaran bagi menjamin kestabilan serta keuntungan perniagaan (Grozdanovska et al., 2017).

Eniola dan Entebang (2017) menyatakan pengetahuan pengurusan kewangan amat penting dalam meningkatkan prestasi perniagaan kecil. Satu kajian oleh Ahmad dan Mohd Fazil (2021) juga bersetuju bahawa kemahiran dalam menguruskan kewangan akan membantu perusahaan kecil untuk lebih maju dan berdaya saing. Semestinya, kesan amalan pengurusan yang baik akan membantu golongan asnaf dalam beberapa perkara seperti di bawah:

1. Strategi kewangan yang dirancang dengan baik meningkatkan kestabilan kewangan perniagaan, menjadikannya lebih menarik kepada pihak berkepentingan. Ini membina kredibiliti dan kepercayaan dengan menunjukkan amalan pengurusan kewangan yang baik.
2. Perancangan kewangan memfokuskan peningkatan keuntungan dengan mengoptimumkan aliran hasil dan mengawal kos. Hal ini juga memastikan pertumbuhan yang mampan dengan mengimbangi keuntungan jangka pendek dengan kesihatan kewangan jangka panjang.
3. Perancangan kewangan memastikan pematuhan dengan keperluan kawal selia dan piawaian pelaporan kewangan. Ini memudahkan pelaporan kewangan yang tepat dan ketelusan, yang penting untuk pematuhan peraturan.
4. Perniagaan menghadapi pelbagai risiko kewangan seperti turun naik pasaran, kemelesetan ekonomi dan perubahan dalam persekitaran kawal selia. Pelan kewangan yang baik termasuk strategi pengurusan risiko untuk mengurangkan risiko ini dan melindungi kesinambungan perniagaan.
5. Perancangan kewangan menyediakan data yang menyokong proses membuat keputusan strategik. Ini membolehkan perniagaan menilai peluang dan risiko serta memperbaik strategi mereka sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran.

Dengan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan yang cekap serta mengikuti amalan yang baik, pelbagai kesan lain daripadanya akan dapat diperoleh seperti peningkatan keuntungan, kemampuan melabur semula dan mengurangkan risiko kewangan. Abd Moen et al. (2012) juga telah membincangkan kesan daripada pengurusan kewangan yang cekap, yakni meningkatkan keuntungan. Ini penting kerana usahawan akan mampu mengenal pasti dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak diperlukan.

Kesan berikutnya ialah keuntungan yang diperoleh daripada pengurusan kewangan yang berkesan boleh digunakan untuk pelaburan semula dalam usaha memperluas perniagaan. Ini termasuk pembelian peralatan baharu, latihan pekerja, dan aktiviti lain yang menyumbang

kepada pertumbuhan perniagaan (Ahmad & Yusop, 2021). Selain itu, usahawan asnaf juga berupaya mengurangkan risiko kewangan seperti masalah hutang. Dengan mengekalkan rekod kredit yang baik, usahawan asnaf akan terus menerima sokongan kewangan apabila diperlukan (Ismail, 2024).

Ringkasnya, pengurusan kewangan yang baik oleh usahawan asnaf memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan dan kelestarian diri usahawan asnaf. Perkara ini menjadikan usahawan lebih berdikari, dapat menyumbang semula kepada masyarakat melalui zakat dan menjalankan perniagaan yang mampu terus berdaya saing.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Untuk berdaya saing dan berkembang ke tahap yang lebih tinggi, usahawan asnaf perlu berjaya menguruskan kewangan perniagaan dengan baik serta bersistematik. Daripada penelitian literatur dan perbincangan yang dilakukan, didapati tahap kesedaran dan amalan pengurusan usahawan asnaf masih rendah. Ini jelas dinyatakan dalam kajian Rahman dan Haji Othman (2021), bahawa kegagalan perniagaan usahawan asnaf disebabkan usahawan ini gagal dalam pengurusan kewangan selain kurang pengetahuan terhadap kewangan perniagaan. Sebagai tambahan, kebanyakan usahawan asnaf didapati masih bergantung pada kaedah manual dalam pengurusan kewangan perniagaan mereka. Pengurusan rekod kewangan yang tidak tepat dan tidak teratur boleh menyebabkan perniagaan usahawan asnaf tidak beroperasi dengan baik.

Oleh itu, pengetahuan dalam pengurusan kewangan adalah sangat penting untuk usahawan asnaf agar mereka dapat merekod dan menyemak rekod kewangan perniagaan demi memastikan kelangsungan perniagaan. Seperti yang ditekankan dalam bahagian perbincangan, pengaturan, pengurusan, pengarahan, dan perancangan kewangan memerlukan jangka masa yang panjang untuk memastikan kelangsungan sesebuah perniagaan.

Cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kesedaran dan juga pengetahuan terhadap pengurusan rekod kewangan yang baik perlu ditambah dan diperbanyak lagi. Kursus dan latihan yang spesifik berkaitan dengan pengurusan rekod kewangan perlu diadakan secara berterusan, dibimbing dan sentiasa dipantau oleh individu yang dilantik atau institusi dan agensi zakat itu sendiri. Selain itu, usahawan asnaf itu sendiri juga digalakkan untuk mempersiapkan diri dengan merebut peluang segala kursus dan latihan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Dengan ini, kelestarian kendiri dalam pengurusan rekod kewangan usahawan asnaf dapat memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

Penghargaan

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah yang terlibat, para responden yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya, serta penilai artikel atas cadangan dan maklum balas yang sangat berguna dalam penambahbaikan kajian ini.

Maklumat Pembiayaan

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana institusi atau badan pembiaya.

Sumbangan Penulis

Penulis pertama bertanggungjawab dalam proses pengumpulan data, pembinaan instrumen kajian, analisis data serta menulis artikel. Manakala penulis kedua pula terlibat dalam proses penulisan artikel, menjalankan interpretasi data, dan menyelaras keseluruhan struktur artikel termasuk semakan dan penyelarasan kandungan setiap bahagian.

Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Nooh, M. N., Abdullah, M., Mohd Fauzi, A. A., & Abu Bakar, M. F. (2018). Program usahawan bagi memperkasakan ekonomi golongan asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi Myema. *Journal of Fatwa Management and Research*, *7*(1), 57–74. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.59

Abd Rahman, R., & Ahmad, S. (2011). Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat. *Jurnal Pengurusan*, *33*(2), 37-44.

Abd Moen, J., Omar, A. R. C., Ishak, S., Darawi, Z., & Hamand, H. (2012). Amalan pengurusan kewangan di kalangan usahawan asnaf. *Prosiding Perkem, 7*(2), 762-769.

Ahmad, N.L & Mohd Fazil, N.F. (2021). Pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar perakaunan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar, 24*(1), 99-112.

Ayoup, H., Mohd Ariff, A. H., Jamaludin, N. A., Ismail, S., & Md Isa, M. S. (2023). Pulangan sosial atas pelaburan: Kajian impak skim agihan zakat Bantuan Jayadiri Asnaf di Negeri Kedah. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 39–56. https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.125

Bahri, E. S., Bin Muhammad, A. & Mohammad Aslam, M. M. (2021). A ćonceptual framework on the successfactors of asnaf entrepreneurs. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, Vol.4 (3), 1-22. https://doi**:** 10.51377/azjaf.vol4no3.111

Christopher, W., Enock, Z & Devis A. (2023). A study on the effect of financial records management on financial reporting in organisations: A case study of Kenjoy supermarket in Nansana. *Metropolitan Journal Of Business & Economics (MJBE), 2(*9), 453-460.

Eniola, A. A., & Entebang, H. (2017). SME managers and financial literacy. *Global Business Review, 18*(3), *559-576.*

Grozdanovska, V., Bojkovska, K., & Jankulovski, N. (2017). Financial management and financial planning in the organizations. *European Journal of Business and Management,* 9(02), 120-125.

Hamid, N. A., Ismail, I. S., Yunus, N., Norizan, S., & Palil, M. R. (2024). Insights for growth: understanding the drivers of asnaf entrepreneurial success in malaysia. *Edelweiss Applied Science and Technology*, 8(2), 108–124. https://doi.org/10.55214/25768484.v8i2.753

Ismail, S. (2024, March 24). Perniaga kecil disaran bijak urus kewangan. *Berita Harian*. https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227352/peniaga-kecil-disaran-bijak-urus-kewangan

Joremi, L., Muda, R., Mohd Zain, W. Z. W., & Rosli, N. A. (2023). The challenges of asnaf entrepreneurs in forming entrepreneurial resilience. *Information Management and Business Review*, *15*(3(I), 242-252. https://doi.org/10.22610/imbr.v15i3(I).3533

Nadzri, F. A. A., Omar, N., & Rahman, R. A. (2017). Micro financing: accountability and financial management practices of micro entrepreneurs. *Indian Journal of Science and Technology, 10*(15), 1-14.

Touray, R. (2021). A review of records management in organisations. *Open Access Library Journal*, *8*(12), 1-23.

Rahman, R. A., & Haji Othman, Y. (2021). Cabaran Covid 19: Literasi kewangan peribadi sebagai penentu kesejahteraan kewangan dalam kalangan usahawan asnaf Negeri Kedah. *International Journal of Muamalat*, *5*(1), 89–91.

Sulaiman, S., Hamid, N. A., Othman, R. D., Saruji, S. C., & Aimullah, C. M. F. (2024). Determining the success factors of micro-businesses in the post-pandemic era: empirical evidence from asnaf entrepreneurship in malaysia. *Journal of Asian Scientific Research,* 14(1), 38–49. https://doi.org/10.55493/5003.v14i1.4980

Yin, Y. X., Arbaiy, N., & Din, J. (2017). Financial records management system for micro enterprise. *JOIV: International Journal on Informatics Visualization*, *1*(4-2), 209-213.

Yusof, Z. M. (2009). Nurturing attitudes for records management in Malaysian financial institutions. *Records Management Journal*, *19*(3), 218-230.

Yusoff, M. N. H. B., Mamun, A. A., Ibrahim, M. D., & Hassan, H. (2018). Measuring and comparing functional business skills and knowledge among Asnaf community in Malaysia. *Economics & Sociology*, *11*(2), 229–247. https://doi.org/10.14254/2071-789x.2018/11-2/16.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

eISSN: : 2682-7840